



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 55/7/17**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PENGUASA GERAKAN PELABUHAN – (C.3-4 EB.5)
JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



- | |
|---|
| <p>1. PENOLONG PENGUASA GERAKAN PELABUHAN
JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Perdagangan dan Kewangan (*Business & Finance*) / bidang *Computing*.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan sebagai Penyelia Gerakan Kanan dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penyelia Gerakan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGUASA GERAKAN PELABUHAN:

1. Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan cara-cara yang baik untuk mengendalikan kargo.
2. Bertanggungjawab ke atas penyimpanan kargo yang bersistem dan keselamatan.
3. Mengawas dan bertanggungjawab bagi sewa penyimpanan dan cukai yang lain.
4. Bertanggungjawab di dalam menyediakan tambahan bagi penambatan kapal-kapal.



5. Bertanggungjawab di dalam mengumpulkan perangkaan.
6. Bertanggungjawab bagi penyewaan alat-alat kelengkapan pelabuhan serta menguasai gudang.
7. Memerhatikan serta memberikan tunjuk ajar dan melatih pegawai bawahan.
8. Mengawas pemeliharaan kebersihan dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya di dalam kawasan pelabuhan.